

**UCAPAN PENGGULUNGAN
OLEH YAB KETUA MENTERI SABAH
PENGKAL KEEMPAT DEWAN UNDANGAN NEGERI
SABAH KEENAM BELAS, 22 – 25 MEI 2023**

Bismillah hirrahman nirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam Sabah Maju Jaya

dan Salam Malaysia Madani.

Tuan Speaker,

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua maka kita dapat bersama-sama di Dewan yang mulia ini bagi melaksanakan peranan dan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh rakyat kepada kita untuk terus membangunkan negeri Sabah.

2. Pada kesempatan ini, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama, Yang di-Pertua Negeri Sabah atas pembentangan Ucapan Dasar Kerajaan sempena Pembukaan Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Sabah yang Keenam Belas pada 22 Mei 2023.

3. Saya juga mengucapkan terima kasih dan menghargai Ahli-Ahli Yang Berhormat yang mengutarakan pelbagai isu dan saranan semasa membahaskan Ucapan Dasar Kerajaan Tahun 2023. Isu-isu yang diutarakan itu menunjukkan kesatuan kita untuk bersama-sama menjadikan negeri Sabah sebuah negeri yang maju dan makmur.

4. Kerajaan Negeri sememangnya sentiasa mengambil berat isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat terutama sekali bagi isu-isu yang berkaitan

langsung dengan Jabatan Ketua Menteri. Dengan itu, izinkan saya menjawab beberapa isu yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat semasa perbahasan.

Tuan Speaker,

5. Saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 1.0 (2021 - 2025) merupakan satu pelan pembangunan komprehensif yang digubal dan dilaksanakan secara berfasa. Pelan pembangunan ini adalah milik kita bersama dengan slogan "Sabah Maju Jaya" diambil daripada moto dalam jata negeri untuk menanam nilai-nilai murni di kalangan rakyat Sabah, berdaya saing dan memajukan diri, seterusnya menyumbang kepada pembangunan negeri Sabah, selaras dengan moto tersebut.

LAPORAN HALA TUJU SABAH MAJU JAYA

Tuan Speaker,

6. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat **Tungku** atas saranan untuk mengeluarkan *report card* atau pencapaian Pelan Pembangunan SMJ 1.0 : 2021 – 2025. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat **Tungku** dan Dewan yang mulia ini, dua laporan telah dikeluarkan iaitu Laporan Tahunan pencapaian sepanjang dua tahun Pelan Pembangunan SMJ dan Laporan Pencapaian inisiatif Tahun 2022, yang memaparkan perincian *report card* dengan markah pencapaian. Kedua-dua laporan ini boleh diakses melalui portal Sekretariat Sabah Maju Jaya: **smj.sabah.gov.my**. Sebuah buku juga telah diterbitkan dan Sekretariat SMJ akan mengedarkan kepada semua Ahli Yang Berhormat dalam tempoh terdekat.

ISU PERLOMBONGAN MINERAL

Tuan Speaker,

7. Ahli Yang Berhormat dari **Senallang** membangkitkan isu lesen perlombongan mineral. Kerajaan Negeri telah mengeluarkan lesen penerokaan (*prospecting license*) kepada beberapa syarikat. Ini merupakan peringkat awal dalam mengenal pasti sama ada terdapat mineral di kawasan yang dilesenkan atau sebaliknya. Kerajaan Negeri akan hanya membuat keputusan untuk aktiviti perlombongan kepada syarikat-syarikat tersebut sekiranya jumlah mineral yang ditemui adalah ekonomik untuk dilombong.

ISU TANAH

Tuan Speaker,

8. Ahli-Ahli Yang Berhormat dari **Nabawan** dan **Merotai** menyentuh isu permohonan tanah untuk tujuan Lesen Pendudukan Sementara (*Temporary Occupation License*, TOL). Untuk makluman Dewan yang mulia ini, berasaskan Enakmen Hutan 1968, bakal pengusaha perlu memohon TOL untuk membolehkan aktiviti membalak dijalankan atas tanah kerajaan. Permohonan untuk tanah kerajaan boleh dibuat sama ada secara individu atau berkumpulan, syarikat dan pertubuhan korporat atau persatuan yang berdaftar. Permohonan tanah yang dipohon oleh mana-mana syarikat yang telah diproses dengan lengkap dan teratur oleh Jabatan Tanah dan Ukur (JTU) dan mematuhi semua kehendak undang-undang, permohonan tanah boleh diluluskan oleh Kerajaan Negeri.

9. Walau bagaimanapun, Lesen Pendudukan Sementara (TOL) dan Lesen Hutan hanya akan dikeluarkan setelah semua keperluan dan syarat jabatan-jabatan yang

berkepentingan dipatuhi seperti kelulusan Laporan Penilaian Alam Sekitar (*Environment Impact Assessment - EIA*) atau Proposal Mitigation Measures (PMM), pembayaran hasil tanah, penyukatan kawasan dipohon dan lain-lain.

10. Ahli Yang Berhormat **Kapayan** menyarankan agar pengeluaran geran tanah Anak Negeri dipercepatkan. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Tanah dan Ukur akan sentiasa berusaha meningkatkan lagi pencapaian pengeluaran geran-geran tanah Anak Negeri dari semasa ke semasa. Kerajaan Negeri yakin melalui pelbagai inisiatif yang diperkenalkan oleh Jabatan Tanah dan Ukur, pencapaian melebihi sasaran yang ditetapkan akan dapat direalisasikan.

ISU HUTAN

Tuan Speaker,

11. Ahli Yang Berhormat dari **Senallang** turut menyentuh isu konsesi pembalakan Yayasan Sabah. Konsesi pembalakan di Tawau masih di bawah urus tadbir Yayasan Sabah kerana kawasan tersebut adalah hutan simpan dan Yayasan Sabah kekal sebagai pemegang lesen. Selepas pembalakan selesai, Yayasan Sabah melalui anak-anak syarikatnya membangunkan tanah tersebut secara usaha sama untuk tanaman pokok industri dan ladang kelapa sawit di mana dibenarkan oleh pihak berkuasa.

ISU PERKHIDMATAN AWAM

Tuan Speaker,

12. Ahli Yang Berhormat dari **Moyog** dan **Kukusan** membangkitkan keperluan pengisytiharan harta di kalangan anggota perkhidmatan awam. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat serta ahli Dewan yang mulia ini, semua

pegawai awam yang terdiri daripada Pegawai Kumpulan Pelaksana, Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pengurusan Tertinggi diwajibkan mengisytiharkan harta setiap lima (5) tahun, manakala pegawai awam yang menyandang jawatan sensitif perlu mengisytiharkan harta setiap dua (2) tahun.

ISU KEAGAMAAN

Tuan Speaker,

13. Ahli Yang Berhormat **ADUN Dilantik (Dr. Aliakbar Bin Gulasan)** bertanya berkenaan perkembangan Yayasan Pembangunan Ummah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pihak MUIS sedang dalam proses untuk menubuhkan Yayasan Pembangunan Ummah untuk dikemukakan kepada pihak berkuasa. Pihak MUIS juga di peringkat akhir untuk menubuhkan Kolej Islam MUIS yang

ada hubung kait dengan objektif penubuhan Yayasan tersebut untuk memperkasakan pendidikan dan kebajikan ummah.

ISU KESELAMATAN

Tuan Speaker,

14. Ahli Yang Berhormat **ADUN Dilantik (Datuk Jaffari Bin Waliam)** mencadangkan agar pihak berwajib memeriksa dengan lebih ketat kemasukan pertubuhan/ NGO dari luar yang masuk ke negeri ini bagi mengelak berlakunya hasutan kepada rakyat terutamanya yang melibatkan isu tanah adat sehingga rakyat membenci dan marah kepada kerajaan. Kerajaan Negeri sememangnya memandang serius dengan trend kemasukan pertubuhan-pertubuhan atau NGO dari luar Sabah yang semakin kerap masuk ke negeri ini untuk menghasut dan membawa rakyat Sabah agar membuat

demonstrasi serta bantahan secara tidak terkawal. Kerajaan Negeri akan menggunakan kuasa yang diperuntukkan kepada Kerajaan Negeri untuk menghalang kemasukan ke negeri Sabah bagi mana-mana pertubuhan-pertubuhan atau NGO atau individu daripada luar Sabah yang mengganggu keharmonian serta ketenteraman awam di Sabah.

ISU DBKK

15. Ahli Yang Berhormat **Sindumin** menyentuh pelbagai perkara untuk menjadikan bandaraya Kota Kinabalu sebagai bandar yang cantik yang menjadi tarikan pelancong masuk ke Sabah, isu berkaitan longkang, keadaan bangunan-bangunan lama, penyelenggaraan, pembersihan sungai dan pemotongan rumput. Kerajaan Negeri akan mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya ke atas isu-isu yang dibangkitkan.

16. Berkaitan dengan pembangunan semula kawasan Sembulan, iaitu Sembulan Urban Renewal Scheme Phase III, cadangan pembangunan kawasan ini telahpun diluluskan oleh Kerajaan Negeri kepada sebuah syarikat yang mana unit-unit rumah akan diberikan kepada pemilik tanah asal di kawasan tersebut. Manakala selebihnya akan dibangunkan untuk tujuan *mix development*.

INDUSTRI MINYAK DAN GAS

Tuan Speaker,

17. Ahli Yang Berhormat **Senallang** telah mempersoalkan penglibatan Kerajaan Negeri dalam perniagaan huluan industri minyak dan gas. Untuk makluman Dewan yang Mulia ini, adalah penting bagi Kerajaan Negeri Sabah untuk mengambil bahagian dalam perniagaan huluan industri minyak dan gas kerana industri huluan merupakan sumber

kehidupan bagi industri minyak dan gas. Tanpa huluhan ini, tiada industri pertengahan mahupun hiliran di negeri ini. Justeru itu, dengan terlibatnya dalam rangkaian bekalan huluhan industri minyak dan gas, Kerajaan Negeri Sabah akan memperoleh faedah-faedah seperti berikut :-

- (i) Peningkatan faedah ekonomi dan kewangan hasil daripada penjualan kedua-dua minyak mentah dan gas asli yang mana merupakan sumber rangkaian nilai industri minyak dan gas;
- (ii) Peningkatan kadar peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan Sabah, menggalakkan lebih banyak tawaran serta peluang kontrak tempatan dengan memperoleh persefahaman dalam perniagaan huluhan; dan
- (iii) Peningkatan tahap pengetahuan rakyat Sabah dalam sumber minyak dan gas, serta ilmu pengumpulan data

rizab hidrokarbon Sabah yang sedia ada atau yang akan datang agar sebarang keputusan dibuat yang berkaitan dengan industri minyak dan gas adalah untuk kepentingan negeri Sabah.

18. Itulah sebabnya mengapa Kerajaan Negeri meneruskan pengambilalihan 50% saham dalam Kontrak Perkongsian Pengeluaran Samarang (PSC) yang ditawarkan kepada SMJ Sdn. Bhd. di bawah Perjanjian Kerjasama Komersial (CCA) yang telah ditandatangani bersama dengan Petronas. Hasilnya, SMJ Sdn. Bhd. akan menerima 50% rakan kongsi kelayakan pengeluaran minyak dan gas.

19. Bagi petrokimia hiliran, Kerajaan Negeri telahpun memperoleh 25% saham dalam Petronas Chemicals Fertilizer Sabah Sdn. Bhd. (SAMUR) melalui SMJ Sdn. Bhd.

yang merupakan pemilik kilang Ammonia/ Urea yang terletak di Taman Perindustrian Minyak dan Gas Sipitang (SOGIP). Ia merupakan fasiliti pengeluar ammonia dan urea bertaraf dunia dan dibina untuk menghasilkan 1.9 juta tan metrik ammonia dan urea setahun. Ia juga merupakan komponen loji ammonia dan urea tunggal terbesar di Asia Tenggara, dan loji urea ketiga terbesar Asia Pasifik.

20. Kerajaan Negeri Sabah akan meneruskan lebih banyak pengambilalihan pada masa hadapan agar dapat mengembangkan lagi penglibatan negeri Sabah di dalam industri minyak dan gas supaya lebih banyak hasil dan penyertaan dapat dicapai untuk negeri Sabah seperti yang telah diperuntukkan dalam CCA.

21. Mengenai dengan Cukai Jualan Negeri ke atas Produk Petroleum yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat **Merotai**, pencapaian demi pencapaian telah kita kecap

dalam industri minyak dan gas. Kutipan cukai jualan negeri ke atas produk petroleum yang telah **menyumbang sejumlah RM4.21 bilion ke atas hasil negeri**. Maka, Kerajaan Negeri tidak mempunyai perancangan dalam masa terdekat untuk menghentikan pelaksanaan cukai jualan negeri ke atas produk petroleum.

22. Hasil daripada industri minyak dan gas mampu melipatgandakan pendapatan negeri agar lebih meningkat, kukuh dan mampan yang sudah pasti akan dinikmati oleh semua lapisan rakyat di negeri ini.

HASIL NEGERI

Tuan Speaker,

23. Tidak dapat dinafikan, peningkatan hasil yang drastik sejak dua tahun kebelakangan ini sememangnya merupakan

satu pencapaian yang sangat membanggakan. Walaupun dalam situasi hasil yang kian kukuh seperti ini, ia bukanlah alasan untuk kita merasa selesa dan berpeluk tubuh dengan pencapaian tersebut. Antara cabaran utama yang perlu kita hadapi adalah bagaimana untuk mengekalkan sumber hasil negeri agar agenda pembangunan negeri dapat diteruskan selaras dengan aspirasi Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya (SMJ). Sehubungan itu, suka saya mengingatkan sekali lagi kepada semua kementerian/ jabatan/ agensi pemungut hasil negeri untuk melipatgandakan usaha ke arah pungutan hasil yang lebih tinggi di samping terus meneroka hasil-hasil baharu.

24. Kita sedia maklum bahawa, walaupun dalam keadaan ekonomi yang semakin pulih ini, kita masih lagi berdepan dengan pelbagai keluhan seperti yang dibangkitkan sepanjang Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) pada kali ini. Oleh itu, saya ingin menyeru sekali lagi kepada

semua kementerian/ jabatan/ agensi yang relevan untuk terus bekerja keras dan mengambil langkah yang lebih proaktif dan berhemah untuk menyelesaikannya agar kelesaan dan kesejahteraan rakyat terjamin.

PENUBUHAN AKAUN AMANAH

Tuan Speaker,

25. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Negeri akan menubuhkan satu tabung amanah bagi memastikan peruntukan Negeri Sabah yang telah diluluskan dalam Belanjawan Negara disalurkan terus ke dalam tabung amanah ini sekiranya penyaluran peruntukan dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan. Dengan penubuhan tabung Amanah ini, Kerajaan Negeri dapat mengawal dan memanfaatkan sepenuhnya peruntukan dan pemantauan kerja fizikal serta kewangan bagi semua projek pembangunan negeri.

PENUTUP

Tuan Speaker,

26. Sebelum mengakhiri ucapan penggulungan ini, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan dan isu-isu berkaitan dengan Jabatan Ketua Menteri. Dalam usaha membawa negeri ini terus maju ke hadapan, saya ingin mengajak semua Ahli Yang Berhormat untuk mengetepikan apa juga perbezaan dan bersama-sama dalam menyemarakkan pembangunan demi kesejahteraan rakyat negeri Sabah.

27. Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Pesta Kaamatan kepada semua Ahli Yang Berhormat.

Sekian.

